

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : MUKA DUA

## Dua syarikat yakin dapat penuhi permintaan seluruh dunia

**Kuala Lumpur:** Syarikat farmaseutikal antarabangsa, Pfizer dan BioNTech menjangkakan sebanyak 50 juta dos vaksin berapaya dihasilkan tahun ini bagi memenuhi permintaan seluruh dunia.

Menerusi kenyataan bersama, kedua-dua syarikat itu turut menyangkakan tambahan pengeluaran 1.3 bilion dos vaksin untuk menampung permintaan tahun depan.

Sehubungan itu, syarikat berkenaan kini giat memperuntukkan dos mencukupi bagi ujian klinikal fasa kedua, selain melakukan rantaian operasi pengeluaran dan mendapatkan simpanan bekalan pandemik.

"Kedua-dua rakan usaha sama (Pfizer dan BioNT) komited membangunkan vaksin ini berdasarkan data klinikal dan praktikal sebelum sebarang keputusan lanjut dibuat," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Perigurus Negara Pfizer, Luksanawan Thangpaibool menyuarakan harapan syarikat berkenaan membekalkan dos vaksin diminta oleh Malaysia secepat mungkin dan berdasarkan syarat perjanjian.

"Kami amat berbesar hati untuk bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia dan memacu bekalan pengeluaran serta saintifik bagi vaksin COVID-19 yang berpotensi kepada rakyat negara ini dengan kadar segera.

"Susulan krisis kesihatan global ini, matlamat merintis penyelesaian bagi mengubah kehidupan pesakit menjadi keutamaan kami. Oleh itu, pembekalan vaksin yang tertakluk kepada kejayaan aspek kawal selia dan klinikal ini diharap berupaya memenuhi matlamat berkenaan," katanya.

Ketua Perniagaan merangkap Ketua Pegawai Komersial BioNTech, Sean Maret pula menyifatkan kerjasama dimeterai dengan Malaysia, mampu memangkinkan usaha merungkai ancaman pandemik kesihatan di peringkat global.

"Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia atas kerjasama dan kepercayaan yang diberikan terhadap kemampuan kami untuk membangunkan vaksin COVID-19.

"Kami percaya vaksin ini berpotensi untuk membantu menangani ancaman pandemik kesihatan yang masih meruncing ketika ini. Tekad untuk membekalkan vaksin yang selamat dan berkesan kepada penduduk dunia secepat mungkin, kekal menjadi matlamat utama kami," katanya.

Penularan COVID-19

# Beli vaksin Pfizer, COVAX

2 perjanjian beri jaminan bekalan imunisasi untuk 30 peratus rakyat

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Malaysia sudah memeterai dua perjanjian yang memberi jaminan untuk negara mendapatkan bekalan vaksin COVID-19 bagi menampung keperluan imunisasi 30 peratus rakyat.

Perjanjian dengan syarikat farmaseutikal berpangkalan di Amerika Syarikat (AS), Pfizer Inc (Pfizer) dimeterai 24 November lalu membabitkan bekalan 12.8 juta dos vaksin untuk 20 peratus atau 6.4 juta rakyat negara ini.


Terdahulu pada 22 November, Malaysia juga menandatangani perjanjian dengan fasiliti pelan peruntukan vaksin COVID-19, Vaccine Global Access (COVAX) bagi mendapatkan bekalan vaksin untuk 10 peratus rakyat.

Mengumumkan demikian semalam, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Pfizer akan membekalkan 12.8 juta dos vaksin COVID-19 melalui perjanjian pembelian awal yang ditandatangani kerajaan melalui Kementerian Kesihatan (KKM).

Katanya, vaksin itu akan diberikan secara percuma kepada rakyat Malaysia, manakala bagi warga asing, caj bersesuaian akan ditentukan kemudian.

"Perkhidmatan itu akan diberikan di fasiliti KKM," katanya pada sidang media secara maya dari Perdana Putra yang turut disertai Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Katanya, perjanjian itu juga bagi memastikan kerajaan memastikan akses kepada data untuk



Muhyiddin bersama Khairy Jamaluddin (kiri) dan Dr Adham pada sidang media di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

menilai kualiti, keselamatan dan keberkesanan, selain menjamin akses kepada vaksin itu jika ia sedia untuk diedarkan syarikat berkenaan.

Perdana Menteri memaklumkan, Malaysia menggerakkan usaha itu selepas Pfizer menyatakan analisis data interim pertama menunjukkan keberkesanan vaksin itu adalah 95 peratus.

"Pfizer menjanjikan penghantaran satu juta dos pada suku pertama 2021, disusuli dengan 1.7 juta dos pada suku kedua, 5.8 juta dos pada suku ketiga dan seterusnya 4.3 juta dos pada suku keempat," katanya.

Muhyiddin menegaskan, vaksin tersebut bagaimanapun perlu mendapatkan kelulusan Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) AS dan kelulusan regulatori dari negara pengeluar.

Kelulusan sama juga, katanya, perlu diperolehi daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPR) KKM sebelum vaksin berkenaan boleh digunakan di Malaysia.

"Kerajaan memberi jaminan bahawa vaksin yang akan digunakan di Malaysia mesti melepasi syarat ketat ditetapkan NPR. Kerajaan tidak akan sekali berkompromi dalam soal ini," katanya.

Katanya, Malaysia melalui Menteri Kesihatan juga menandatangani perjanjian dengan fa-

siliti COVAX untuk mendapatkan vaksin yang boleh menampung keperluan imunisasi 10 peratus rakyat negara ini.

"Kedua-dua perjanjian ini dijangka dapat menjamin akses vaksin COVID-19 untuk 30 peratus rakyat Malaysia. Proses pemberian vaksin, selepas diperolehi nanti, akan dilakukan secara berperingkat.

"Proses itu mengutamakan kumpulan berisiko tinggi yang mudah mendapat jangkitan COVID-19. Mereka termasuk petugas barisan hadapan, warga emas dan penghidap penyakit tidak berjangkit seperti sakit jantung, diabetes dan pernafasan kronik.

**Pfizer menjanjikan penghantaran satu juta dos pada suku pertama 2021, disusuli dengan 1.7 juta dos pada suku kedua, 5.8 juta dos pada suku ketiga dan seterusnya 4.3 juta dos pada suku keempat.**

Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri

"Seterusnya, vaksin ini juga akan diperluaskan kepada kumpulan sasaran lain," katanya.

Beliau menambah, KKM bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga masih giat meneruskan rundingan dengan syarikat pengeluar vaksin lain di seluruh dunia.

Rundingan berkenaan, katanya, untuk mendapatkan akses kepada vaksin COVID-19 yang secukupnya bagi rakyat Malaysia.

"Kerajaan sedang berunding dengan 10 daripada 12 syarikat (pengeluar) vaksin COVID-19 yang berada dalam ujian klinikal fasa tiga, termasuk dari China, Russia dan AS," katanya.

Mengulas lanjut vaksin dihasilkan Pfizer, Muhyiddin berkata, ujian klinikal fasa tiga untuk vaksin itu membabitkan 43,998 peserta dari pelbagai negara seperti AS, Argentina, Brazil, Jerman, Afrika Selatan dan Turki.

"Jika digabung semua 12 vaksin yang berada di ujian klinikal fasa tiga, 500,000 peserta (uji kaji) sudah terbabit. Justeru, apabila vaksin ini diluluskan nanti, barisan hadapan dan kumpulan berisiko tinggi lain bukan dalam uji kaji pertama.

"Sebaliknya, mereka akan mendapat vaksin sudah diuji dan terbukti selamat. Selepas vaksin digunakan, pemantauan keberkesanan dan keselamatan tetap akan diteruskan oleh NPR," katanya.

## Kajian klinikal fasa tiga dilaksana Disember

**Putrajaya:** Malaysia akan memulakan satu kajian klinikal fasa tiga vaksin COVID-19 di negara ini bulan depan menerusi inisiatif kerajaan dengan kerajaan (G2G) bersama China.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata vaksin berkenaan dibangunkan Institute of Medical Biology Chinese Academy of Medical Sciences (IMBCAMS) dari China dan bakal membabitkan 3,000 peserta bagi ujian klinikal.

"Kajian klinikal adalah untuk menilai keselamatan serta keberkesanan vaksin tersebut. Ia akan

dikendalikan Pertubuhan Kajian Klinikal (CRO) tempatan dan sudah didaftarkan dalam Daftar Kajian Perubatan Nasional (NMR).

"Profil keselamatan vaksin akan diteliti dahulu oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPR) untuk memperoleh Lesen Import Kajian Klinikal (CTL).

"Protokol kajian pula akan dikaji Jawatankuasa Etika dan Kajian Perubatan (MREC) bagi memastikan ia mematuhi garis panduan ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya pada

sidang media secara sidang video dari Perdana Putra, semalam.

Muhyiddin memaklumkan, kajian klinikal fasa tiga itu akan membabitkan lapan pusat penyelidikan klinikal di bawah seliaan KKM.

"Kerajaan ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada IMBCAMS yang akan berkolaborasi untuk menjalankan kajian klinikal fasa tiga ini di Malaysia," katanya.

Mengenai masa depan Malaysia dalam meneroka pembangunan vaksin, beliau berkata, penularan COVID-19 memberi pe-

ngajaran pentingnya untuk mampu mengeluarkan vaksin sendiri, bukan hanya bagi COVID-19, tetapi juga penyakit lain.

"Tidak menjadi masalah untuk kita bekerjasama dalam pembangunan vaksin di peringkat awal. Jika ada mana-mana badan atau syarikat mahu mencari rakan kongsi bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan, itu sahaja yang kita galakkan.

"Memang ada beberapa bentuk insentif untuk syarikat ini dan kita harap Malaysia bukan hanya akan menjadi pengguna, tetapi juga pengeluar vaksin," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

## Empat lagi kluster baharu dikesan di 4 negeri

**Putrajaya:** Empat kluster baharu COVID-19 dikesan di beberapa daerah di Sabah, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, dan Pulau Pinang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kluster pertama dikesan di Kota Kinabalu, Penampang dan Tuaran di Sabah yang dikenali sebagai Kluster Jalan Tuaran.

Katanya, kluster berkenaan dikesan hasil saringan di tempat kerja dan sehingga kini, seramai 43 individu disahkan positif dalam kluster berkenaan.

"Bagi kluster kedua, ia dikesan di daerah Seremban, Negeri Sembilan hasil saringan pekerja di kilang yang dikenali sebagai Kluster Jalan Haruan.

"Sehingga kini, kluster berkenaan sudah menjangkiti 118 individu, iaitu 108 warga asing dan 10 warga tempatan.

"Kluster ketiga pula dikesan di Lembah Pantai, hasil saringan pekerja di tapak pembinaan yang dinamakan sebagai Kluster Tapak Bina Puteh Lama.

"Sehingga kini, seramai 139 individu dikesan positif COVID-19," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kluster keempat dikesan di daerah Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Tengah di Pulau Pinang yang dikenali sebagai Kluster Beringin.

"Kluster ini dikesan hasil saringan pekerja di dua kilang di Pulau Pinang dan sehingga kini, seramai 37 individu dilaporkan positif COVID-19," katanya.

## Penularan COVID-19



Petugas Kementerian Kesihatan Malaysia membawa pekerja syarikat Top Glove yang positif COVID-19 ke Hospital Sungai Buloh, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

# 1,109 kes baharu direkod

### Sepuluh kes lagi dikesan jangkitan dari luar negara

Oleh Latifah Ariffin dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sebanyak 1,109 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 61,861 kes dengan jumlah kes aktif 11,307 pesakit.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah itu ter-

dapat 10 kes import, iaitu jangkitan dari luar negara.

Katanya, Sabah kekal mencatatkan pertambahan kes harian tertinggi, iaitu sebanyak 441 kes bersamaan 39.8 peratus daripada jumlah kes baharu semalam.

"Pertambahan kes di Sabah hasil saringan dalam kluster sedia ada dan konteks rapat kes positif COVID-19 yang giat di-

jalankan di lapangan.

"Sebanyak 175 kes atau 15.8 peratus dicatatkan di Selangor diikuti Negeri Sembilan, iaitu 167 kes," katanya, di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga tengah hari semalam, sebanyak 1,148 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sebanyak 50,204 kes atau 81.2 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Katanya, ada dua lagi kematian disebabkan oleh COVID-19 semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian seba-

nyak 350 kes, bersamaan 0.57 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Beliau berkata, dua kematian itu membabitkan lelaki warga asing yang dilaporkan di Hospital Semporna dan Hospital Labuan.

"Kes kematian ke-349 ialah lelaki berusia 47 tahun dan mempunyai penyakit jantung serta dilaporkan meninggal dunia di Hospital Semporna.

"Kes kematian ke-350 membabitkan lelaki berusia 64 tahun dan mempunyai penyakit strok. Beliau dilaporkan meninggal dunia di Hospital Labuan," katanya.

## 5P jadi kayu ukur kewajaran penggunaan vaksin

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan menilai lima aspek penting (5P) iaitu pendaftaran, pembekalan, pemberian (agihan), pemantauan dan penilaian membabitkan bekalan vaksin bagi keperluan rakyat di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata, 5P ini akan menjadi kayu ukur bagi menentukan kewajaran penggunaan vaksin.

"Ada 5P yang penting iaitu pertamanya, mestilah vaksin berkenaan telah didaftarkan, keduanya adalah pembekalan yang merangkumi rantaian daripada pelbagai aspek termasuk logistik, kaedah

penyimpanan sehinggalah ia sampai kepada pengguna.

"Ketiga, KKM akan melihat aspek pemberian dengan keutamaan kepada golongan berisiko tinggi, contohnya petugas barisan hadapan, warga emas dan sebagainya yang akan menerima dahulu peruntukan vaksin berkenaan," katanya dalam sidang media harian COVID-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, aspek pemantauan akan turut dilihat bagi mengenal pasti sama ada terdapat kesan sampingan bagi individu yang menggunakannya nanti.

"Terakhir, perlu kepada pe-

nilaian keseluruhan vaksinasi antaranya melihat sama ada ia memenuhi objektif kita untuk mencapai imuniti kelompok.

"Inilah konsep yang kita pakai, supaya negara tidak ketinggalan. Misalnya, jika ada vaksin yang telah didaftarkan di bawah Penadbiran Makanan dan Ubat-Obatan (FDA), berkemungkinan permintaannya juga akan meningkat.

"Kita mungkin akan ketinggalan jika tidak mulakan langkah proaktif bagi mendapatkan vaksin dan apa yang lebih penting, vaksin ini mestilah selamat digunakan," katanya.



Dr Noor Hisham ketika sidang media harian di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 35

RUANGAN : DUNIA

Penularan COVID-19

# Hampir 90,000 pesakit banjiri hospital di AS

## Jumlah mangsa melonjak selepas sambutan Hari Thanksgiving

**Washington:** Hampir 90,000 pesakit COVID-19 memenuhi hospital di seluruh Amerika Syarikat (AS) kelmarin ketika negara itu menyambut Hari Thanksgiving (Kesyukuran).

Menurut badan pemantau *The COVID-19 Tracking Project*, angka itu juga mencapai tahap tertinggi untuk hari ke-16 berturut-turut.

Jumlah kematian kelmarin meningkat kepada 2,284 kes, tertinggi sejak 7 Mei lalu, sekali gus menjadikan jumlah kematian harian ketujuh tertinggi.

Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) AS menjangkakan jumlah kematian COVID-19 yang baru dilaporkan mungkin akan meningkat dalam tempoh empat minggu akan datang.

Ia bakal menyaksikan 10,600 hingga 21,400 kematian baharu mungkin dilaporkan pada minggu berakhir 19 Disember depan.

CDC meramalkan sejumlah 294,000 hingga 321,000 kematian kumulatif akibat COVID-19 bakal dilaporkan pada 19 Disember.

Gelombang ketiga kematian akibat COVID-19 di kemudahan rawatan jangka panjang berterusan, dengan kadar peningkatan



Anggota perubatan memberi rawatan, kecamasan kepada mangsa COVID-19 di wad ICU United Memorial Medical, Houston, Texas. (Foto AFP)

tan dua kali ganda berbanding kes di seluruh negara, kata *The COVID Tracking Project*.

Negeri lain di AS pula melaporkan peningkatan 50 peratus kes di kemudahan rawatan jangka panjang, menjadikan sebanyak 46,153 kes baharu COVID-19 dilaporkan pada minggu ini saja.

"Dengan musim sejuk semakin hampir dan jumlah kes lebih tinggi berbanding sebelumnya, langkah-langkah keselamatan sedia ada tidak akan mencukupi

bagi melindungi golongan berisiko," menurut laporan projek itu.

Pegawai kesihatan awam menggesa rakyat AS menyambut Hari Thanksgiving hanya dengan anggota keluarga yang sama atau sekurang-kurangnya berkumpul di luar rumah sebagai langkah membendung penularan virus.

CDC turut mengeluarkan garis panduan baharu hari ini, menggesa rakyat AS untuk kekal berada dalam rumah dan tidak

melakukan perjalanan semena musim cuti.

"Perjalanan dapat meningkatkan peluang anda untuk dijangkiti dan menyebarkan COVID-19. Tunda perjalanan dan kekal berada dalam rumah adalah cara terbaik melindungi diri sendiri serta orang lain pada tahun ini," menurut panduan itu.

Berdasarkan data terkini, AS merekodkan lebih 13 juta kes jangkitan virus itu termasuk hampir 270,000 kematian setakat ini. AGENSI

## India hasilkan 100 juta dos vaksin Sputnik V

**Moscow:** Salah satu pemaju vaksin COVID-19 Russia, Sputnik V mengumumkan syarikat pengeluar ubat-ubatan yang berpangkalan di India, Hetero, akan menghasilkan lebih 100 juta dos suntikan vaksin itu.

"Hetero, salah satu syarikat farmaseutikal generik terkemuka, bersetuju untuk menghasilkan lebih 100 juta dos setiap tahun di India, yang adalah vaksin berdaftar pertama di dunia bagi menentang jangkitan COVID-19, iaitu Sputnik V," kata Dana Pelaburan Langsung Russia (RDIF) dalam satu kenyataan.

Awal minggu ini, Russia berkata keputusan interim daripada ujian klinikal Sputnik V menunjukkan vaksin itu menunjukkan keberkesanan 95 peratus, sama dengan vaksin antarabangsa yang turut menghasilkan keberkesanan keputusan ujian sebanyak 90 peratus atau lebih tinggi.

Russia turut mengumumkan vaksin Sputnik V dijual pada harga AS\$10 (RM40.71) satu dos di pasaran antarabangsa, lebih murah berbanding vaksin COVID-19 lain yang berdaftar.

Russia adalah negara pertama mengumumkan pendaftaran vaksin COVID-19 pada Ogos lalu, yang digelar Sputnik V sempena satelit era Soviet.

Setakat ini, ujian itu berada di tahap ketiga dan terakhir dengan lebih 40,000 sukarelawan terabit dalam ujian yang menggunakan dua individu berbeza.

Ketua RDIF, Kirill Dmitriyev, berkata beliau yakin Sputnik V akan menjadi portfolio vaksin kebangsaan di setiap negara yang sanggup melindungi populasinya daripada COVID-19. AFP



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

Vaksin Covid-19 akan diberikan secara percuma kepada rakyat negara ini

## Malaysia terima 12.8 juta dos vaksin

**PUTRAJAYA** - Malaysia akan mendapatkan bekalan 12.8 juta dos vaksin Covid-19 daripada syarikat farmaseutikal Pfizer bagi menampung keperluan imunisasi 20 peratus atau 6.4 juta rakyat negara ini secara percuma.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perkara itu dibuat menerusi satu perjanjian bersama dengan syarikat tersebut pada 24 November lalu yang antara lain memastikan kerajaan mempunyai akses kepada data untuk menilai kualiti, keselamatan dan tahap keberkesanannya.

Menurut beliau, ia termasuk jaminan akses kepada vaksin tersebut sekiranya bahan itu sedia untuk diedarkan oleh syarikat berkenaan selepas analisis data interim pertama Pfizer menunjukkan keberkesanan vaksin adalah 95 peratus.

Melalui perjanjian itu juga katanya, Pfizer berjanji untuk menghantar sebanyak satu juta dos bagi suku pertama 2021, disusuli dengan 1.7 juta dos pada suku tahun kedua, 5.8 juta dos pada suku tahun ketiga dan se-


terusnya 4.3 juta dos pada suku tahun keempat.

"Pihak syarikat bagaimana pun masih perlu mendapatkan kelulusan Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat (FDA) dan kelulusan regulatori daripada negara pengeluar, di samping mendapat kelulusan Agensi Regulatori Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA) Kementerian Kesihatan sebelum vaksin ini boleh digunakan di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar secara sidang video dengan pemberita di Pejabat Perdana Menteri, di sini semalam.

Turut hadir ialah Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin.

Muhyiddin berkata, perjanjian dengan fasiliti COVAX juga turut ditandatangani oleh Menteri Kesihatan pada 22 November lalu untuk memperoleh bekalan vaksin tersebut bagi menampung keperluan imunisasi 10 peratus lagi rakyat negara ini.



**MUHYIDDIN** (dua dari kiri), **Khairy Jamaluddin** dan **Dr. Adham** mengadakan sidang akhbar secara maya mengenai perkembangan terbaru vaksin di Putrajaya semalam. - IHSAN JABATAN PERDANA MENTERI

Justeru, kata beliau, kedua-dua perjanjian itu sekali gus dijangka dapat menjamin akses vaksin Covid-19 untuk 30 peratus rakyat.

"Proses pemberian vaksin setelah diperoleh nanti akan dilakukan secara percuma serta berperingkat dengan menguta-

makan kumpulan berisiko tinggi yang mudah mendapat jangkitan Covid-19.

"Kumpulan berisiko tinggi itu termasuklah petugas-petugas barisan hadapan, warga emas dan pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit tidak berjangkit

**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

	Jumlah
• Kes baharu	1,109
<b>Import: 10 Tempatan: 1,099</b>	
• Pullih	1,148
• Kematian	2
• Masih dirawat	11,307
• Jumlah kes sembuh	50,204
• Jumlah Kematian	350
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>61,861</b>

(NCD) seperti penyakit jantung, diabetes, penyakit pernafasan kronik dan sebagainya sebelum diperluaskan kepada kumpulan sasar lain," katanya.

Katanya, barisan hadapan dan kumpulan berisiko tinggi itu bukan uji kaji pertama tetapi mereka akan mendapat vaksin yang telah diuji dan terbukti selamat.

## Kes baharu kembali empat angka

**PUTRAJAYA** - Kes harian kembali merekodkan empat angka dengan 1,109 kes dilaporkan menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di seluruh negara sebanyak 61,861 kes.

Pada masa sama, sebanyak 1,148 kes sembuh Covid-19 yang dicatatkan semalam sekali gus melebihi kes harian.

Sabah masih melaporkan kes tertinggi sebanyak 441 kes atau 39.8 peratus dengan 346 kes atau 78.5 peratus hasil saringan kluster dan kontak rapat kes positif yang giat dijalankan di lapangan.

Selangor melaporkan 175 kes atau 15.8 peratus, Negeri Sembilan sebanyak 167 kes atau 15.1 peratus, manakala 25 kes atau 2.3 peratus ialah Kluster Tembok (sembilan kes), Kluster Penjara Sandakan (enam kes), Kluster Bakti dan Kluster Rumah Haruan (masing-masing empat kes), serta Kluster Penjara Reman (dua kes).

Terdapat dua kes kematian Covid-19 semalam melibatkan dua lelaki berusia 47 dan 64 tahun di Sabah dan Labuan, sekali gus sebanyak 350 kes kematian terkini dilaporkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 47 kluster



**NOOR HISHAM**

melaporkan pertambahan kes semalam dengan kluster merekodkan kes baharu tertinggi ialah Kluster Tapak Bina Puteh Lama (118 kes), Kluster Jalan Haruan (116 kes) dan Kluster Jalan Tuaran (43 kes).

Menurutnya, terdapat empat kluster baharu turut dilaporkan dengan satu daripadanya Kluster Jalan Tuaran di Kota Kinabalu, Penampang dan Tuaran, Sabah melibatkan 43 kes positif hasil saringan di tempat kerja.

"Selain itu, Kluster Jalan Haruan di Seremban, Negeri Sembilan dengan kes awal dilaporkan

positif hasil saringan pekerja sebuah kilang dengan 118 kes dikesan positif Covid-19 melibatkan 10 warga Malaysia dan 108 warga asing.

"Kluster Tapak Bina Puteh Lama pula dikenal pasti di Lembah Pantai, Kuala Lumpur melibatkan saringan bersasar pekerja tapak pembinaan dengan 139 kes dikesan positif," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Beringin pula melibatkan Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dengan kes adalah pekerja di dua kilang di negeri tersebut.

"Kes indeks dikesan positif hasil saringan bergejala dan susulan itu, seramai 37 lagi kes dikesan positif dalam kluster ini," katanya.

Ujarnya lagi, sebanyak 10 kes yang dilaporkan semalam adalah kes import mendapat jangkitan dari luar negara.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, satu lagi kluster diisytiharkan tamat semalam iaitu Kluster Omadad menjadikan jumlah kluster telah ditamatkan sebanyak 173 kluster, manakala sebanyak 176 kluster aktif masih dipantau.

## Tongkang Pechah dikenakan PKPB

**PETALING JAYA** - Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Tongkang Pechah, Batu Pahat, Johor selepas Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 56 kes positif Covid-19.

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, berdasarkan penilaian risiko dan nasihat KKM, sidang khas semalam bersetuju untuk melaksanakan PKPB di Tongkang Pechah, bermula 29 November sehingga 13 Disember.

"PKPB ini akan melibatkan seramai 16,300 penduduk di kawasan Bandar Putera Indah, Lorong 7 hingga 10, Batu 7 dan Kampung Mohd. Nor," katanya pada sidang akhbar harian di Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan menamatkan PKPB di Kuching, Sarawak semalam selepas KKM mengesahkan baki kes aktif Covid-19 di daerah itu menunjukkan trend penurunan dan terkawal.

Kerajaan sebelum ini melaksanakan PKPB di Kuching

bermula 9 November lalu yang kemudiannya dilanjutkan sehingga 27 November.

Sementara itu, beliau memaklumkan, ujian saringan Covid-19 kepada pekerja warga asing akan dijalankan secara berperingkat bermula 1 Disember ini.

Menurut beliau, peringkat awal program itu menumpukan beberapa buah negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah, Kuala Lumpur dan Labuan.

Beliau turut menggariskan empat mekanisme pelaksanaan ujian saringan antaranya majikan mengatur janji temu dengan fasiliti kesihatan swasta bagi ujian Covid-19 kaedah RTKAntigen dan fasiliti kesihatan swasta menjalankan ujian mengikut prosedur operasi standard ditetapkan KKM.

"Selain itu, kos perkhidmatan klinik atau hospital perlu dibayar oleh majikan dan kos kit ujian sebanyak RM60 ditanggung Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) untuk ujian pertama kali sahaja," katanya.



AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 34

RUANGAN : DUNIA

## Thailand beli 26 juta dos vaksin Covid-19

### Covid-19

**BANGKOK** - Kerajaan Thailand membayar sebanyak 2.37 bilion baht (RM318 juta) sebagai pendahuluan untuk membeli vaksin Covid-19 yang dibangunkan farmaseutikal AstraZeneca semalam, lapor laman berita *Coconuts Bangkok*.

Bayaran itu adalah sebahagian daripada peruntukan 6.1 bilion baht (RM820 juta) yang dituluskan kerajaan minggu lalu untuk membeli vaksin tersebut.

Jurucakap kerajaan, Traisullee Traisorranakul berkata, vaksin yang didakwa mempu-

nyai keberkesanan sebanyak 70 peratus itu dijangka dihantar ke Thailand pertengahan tahun hadapan.

Sementara itu, Menteri Kesihatan Thailand, Anutin Charnvirakul berkata, perbelanjaan besar yang dituluskan kerajaan meliputi pembiayaan bagi membangunkan fasiliti diperlukan dan aspek lain vaksin tersebut.

Katanya, peruntukan itu cukup untuk membekalkan 26 juta dos vaksin kepada 13 juta penduduk. Bangkok turut merancang mendapatkan vaksin syarikat Pfizer atau Moderna yang setiap satu mempunyai keberkesanan sehingga 90 dan 95 peratus. - AGENSI



GAMBAR hiasan menunjukkan vaksin Covid-19 di sisi logo farmaseutikal Britain, AstraZeneca dan Universiti Oxford. - AFP

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

## MEMERANGI WABAK COVID-19



# 20 peratus rakyat dapat vaksin

6.4 juta rakyat Malaysia bakal terima vaksin Covid-19 mulai tahun 2021

Oleh JUNHAIRI ALYASA

PUTRAJAYA

Malaysia bakal menerima sebanyak 12.8 juta dos vaksin coronavirus (Covid-19) bagi menampung keperluan imunisasi untuk 20 peratus atau 6.4 juta rakyat Malaysia pada tahun depan.


Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan telah menandatangani perjanjian pembelian awal dengan syarikat farmaseutikal Pfizer pada 24 November lalu untuk mendapatkan bekalan vaksin tersebut.

Jelasnya, perjanjian itu bertujuan memastikan kerajaan mempunyai akses kepada data untuk menilai kualiti, keselamatan dan keberkesanan di samping menjamin akses kepada vaksin tersebut sekiranya sedia untuk diedarkan oleh pihak syarikat tersebut.

"Pfizer pada 9 November 2020 menyatakan bahawa analisis data interim pertama menunjukkan keberkesanan vaksin tersebut adalah 95 peratus.

"Melalui perjanjian itu juga, Pfizer menjanjikan penghantaran sebanyak satu juta dos bagi suku pertama tahun 2021, disusuli dengan 1.7 juta dos pada suku tahun kedua, 5.8 juta dos pada suku tahun ketiga dan seterusnya 4.3 juta dos pada suku tahun keempat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar khas secara maya mengenai vak-



Muhyiddin (tengah) pada sidang akhbar khas secara maya mengenai vaksin Covid-19 di Perdana Putra, Putrajaya semalam. Hadir sama Khairy Jamaluddin (kiri) dan Dr Adham.

sin di Perdana Putra di sini semalam.

Hadir sama pada sidang akhbar tersebut ialah Menteri, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, Pfizer masih perlu mendapatkan kelulusan Pentadbiran Makanan dan Ubat-Obatan Amerika Syarikat (FDA) serta kelulusan regulatori dari negara pengeluar.

Tegas beliau, kelulusan juga perlu diperoleh daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPR) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum vaksin itu boleh digunakan di Malaysia.

"Terdahulu pada 22 November lalu, Malaysia melalui Menteri Kesihatan juga telah menandatangani perjanjian dengan fasiliti Covax untuk mendapatkan vaksin Covid-19 bagi menampung keperluan imunisasi 10 peratus lagi rakyat Malaysia.

"Sehubungan itu, kedua-dua perjanjian itu dijangka dapat menjamin akses vaksin Covid-19 untuk 30 peratus rakyat Malaysia," ujar beliau.

## Berperingkat

Perdana Menteri berkata, proses pemberian vaksin, setelah diperoleh akan dilakukan secara berperingkat dengan mengutamakan kumpulan berisiko tinggi yang mudah mendapat jangkitan Covid-19.

"Kumpulan berisiko tinggi itu termasuk petugas-petugas barisan hadapan, warga emas dan pesakit-pesakit yang menghidap penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, diabetes, penyakit pernafasan kronik dan sebagainya.

"Seterusnya, vaksin itu akan diperluaskan kepada kumpulan sasaran yang lain," kata Perdana Menteri.

Jelas Muhyiddin, KKM dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi giat meneruskan rundingan dengan syarikat-

syarikat pengeluar vaksin di seluruh dunia untuk mendapatkan akses kepada vaksin Covid-19 yang secukupnya untuk rakyat Malaysia.

Sehubungan itu, beliau mengumumkan Kementerian Kesihatan bakal memulakan satu kajian klinikal fasa tiga vaksin Covid-19 menerusi inisiatif kerajaan dengan kerajaan (G2G) bersama Republik Rakyat China.

"Vaksin ini dibangunkan oleh Institute of Medical Biology Chinese Academy of Medical Sciences (IMBCAMS).

"Kajian klinikal fasa tiga melibatkan sejumlah 3,000 peserta dan menilai keselamatan serta keberkesanan vaksin Covid-19 yang dibangunkan itu.

"Kajian yang dijangka bermula pada bulan Disember ini dikendalikan oleh Pertubuhan Kajian Klinikal (CRO) tempatan dan telah pun didaftarkan dalam Daftar Kajian Perubatan Nasional (NMRR)," katanya.

Jelas beliau, profil keselamatan vaksin akan diteliti terlebih dahulu oleh NPR untuk memperoleh Lesen Import Kajian Klinikal (CTIL) dan protokol kajian dilaksanakan oleh Jawatankuasa Etika dan Kajian Perubatan (MREC) bagi memastikan ia mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh KKM.

"Kajian klinikal fasa ketiga itu juga melibatkan lapan buah pusat penyelidikan klinikal seliaan KKM," katanya.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata, kerajaan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada IMBCAMS yang akan berkolaborasi menjalankan kajian klinikal fasa ketiga itu di Malaysia.

"Kerajaan ingin memberi jaminan kepada semua rakyat bahawa vaksin itu mesti melepasi syarat ketat NPR," katanya.

## Vaksin Covid-19 percuma kepada rakyat Malaysia

PUTRAJAYA - Vaksin Covid-19 akan diberikan secara percuma kepada rakyat Malaysia di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, berdasarkan Perenggan 16(9) Perintah Fi (Perubatan) 1982, tiada caj suntikan vaksin boleh dikenakan kepada warganegara Malaysia di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa berlakunya wabak.

Beliau menjelaskan, Covid-19 telah pun diisytiharkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit

Berjangkit 1988 untuk mencegah pandemik tersebut daripada merebak.

"Bagaimanapun, bagi warga asing, caj sebanyak RM40 dikenakan untuk perkhidmatan suntikan vaksin di fasiliti KKM," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar khas mengenai vaksin di Perdana Putra di sini semalam.

Hadir sama pada sidang akhbar tersebut ialah Menteri Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Dalam pada itu, mengenai pembiayaan bagi mendapatkan vaksin tersebut, Muhyiddin memaklumkan, peruntukan sebanyak RM3 bilion telah pun dipersetujui oleh Kementerian Kewangan untuk pembelian vaksin di bawah Tabung Covid-19.

Ketika ditanya sama ada pihak swasta akan mempunyai akses untuk vaksin tersebut, Muhyiddin menjelaskan, ia hanya dilakukan selepas kerajaan mendapat akses kepada vaksin Covid-19 yang mencukupi dan kumpulan prioriti telah mendapat vaksin berkenaan.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



## MEMERANGI WABAK COVID-19

# Bukan 'tikus makmal'

Kerajaan tepis dakwaan penerima pertama vaksin Covid-19 terdedah risiko

PUTRAJAYA

**G**olongan berisiko tinggi seperti petugas barisan hadapan dan warga emas yang bakal menjadi kumpulan pertama menerima vaksin virus koronavirus (Covid-19) di negara ini bukanlah dianggap sebagai 'tikus makmal', sebaliknya mereka menerima vaksin yang terbukti selamat dan telah menjalani ujian klinikal berskala besar.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi jaminan vaksin Covid-19 yang akan digunakan di Malaysia kelak, mesti melepasi syarat yang ditetapkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPR) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kerajaan tidak akan sekali-kali berkompromi dalam soal itu.

"Proses pemberian vaksin setelah diperolehi nanti akan dilakukan secara berperingkat dengan mengutamakan kumpulan berisiko tinggi yang mudah mendapat jangkitan Covid-19 sebelum diperluaskan kepada kumpulan sasar yang lain.

"Golongan yang dianggap berisiko tinggi, antara lain sebagaimana saya sebutkan tadi adalah petugas barisan hadapan, warga emas, pesakit yang menghidap penyakit



Kerajaan Malaysia memberi jaminan vaksin Covid-19 yang akan digunakan di Malaysia melepasi syarat yang ditetapkan oleh NPR KKM dan kerajaan tidak akan sekali-kali berkompromi dalam soal itu. Gambar kecil: Muhyiddin.

tidak berjangkit (NCD) seperti penyakit jantung, diabetes, penyakit pernafasan kronik dan sebagainya.

"Oleh itu, apabila (vaksin) ini telah diluluskan maka petugas barisan hadapan dan kumpulan berisiko ini bukanlah kumpulan pertama untuk uji kaji, macam orang kata mereka jadi 'tikus makmal'. Mereka ini akan mendapat vaksin yang telah diuji dan terbukti selamat," katanya pada sidang akhbar secara maya di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai menangkis dakwaan yang menganggap bahawa kumpulan pertama yang akan menerima vaksin Covid-19 itu kelak, diibaratkan umpama bahan uji kaji.

Mengambil contoh vaksin Covid-19 keluaran syarikat farmaseu-

tikal Pfizer, Muhyiddin berkata, vaksin itu telahpun menjalani ujian klinikal fasa tiga dan ujian awal vaksin itu melibatkan 43,998 peserta daripada pelbagai negara antaranya Amerika Syarikat, Argentina, Brazil, Jerman, Afrika Selatan dan Turki.

"Jika digabungkan kesemua 12 vaksin yang berada dalam ujian klinikal fasa 3, seramai 500,000 peserta terlibat.

"Selepas menjalani ujian klinikal, semua data yang diperolehi akan dinilai oleh badan-badan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Agensi Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat (FDA) dan Agensi Ubat-ubatan Eropah (EMA)," katanya. - *Bernama*

## Pfizer, BioNTech bakal 12.8 juta dos vaksin

PUTRAJAYA - Pfizer Malaysia dan BioNTech SE semalam mengumumkan perjanjian dengan Kementerian Kesihatan serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi membekalkan sebanyak 12.8 juta dos vaksin berasaskan BNT162 mRNA di Malaysia.

Pengurus Kebangsaan Pfizer, Luksanawan Thangpaibool berkata, perjanjian tersebut tertakluk kepada kejayaan klinikal dan peraturan yang diluluskan ke atas koronavirus (Covid-19).

"Kami sangat berbesar hati bekerjasama dengan kerajaan Malaysia dan menganalisa ilmiah dan sumber pembuatan ke arah tujuan bersama kami untuk membawa potensi vaksin Covid-19 kepada rakyat Malaysia secepat mungkin.

"Dalam menghadapi krisis kesihatan global, tujuan kami ialah berusaha untuk mengubah kehidupan pesakit Covid-19. Harapan kami bergantung kepada kejayaan klinikal dan peraturan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, Ketua Perniagaan dan Ketua Pegawai Komersial BioNTech, Sean Marett berkata, pihaknya percaya vaksin yang dihasilkan berpotensi untuk membantu mengatasi ancaman pandemik Covid-19.

"Matlamat kami untuk wujud bekalan global vaksin Covid-19 yang selamat kepada seramai mungkin warga dunia," katanya.

## Malaysia ketinggalan jika tidak tandatangani perjanjian vaksin

PUTRAJAYA - Malaysia akan ketinggalan sekiranya tidak menandatangani perjanjian berhubung pembelian vaksin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, apabila vaksin itu didaftarkan di Pentadbiran Makanan dan Ubat (FDA) dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPR), permintaan terhadapnya akan meningkat.

"Mengambil pengalaman lepas semasa peningkatan gelombang kedua, banyak negara telah membuat perolehan terhadap alat pelindung diri (PPE) daripada pengeluar," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.

Menurutnya, selain COVAX, Malaysia juga menandatangani perjanjian dengan Pfizer bagi memperolehi bekalan vaksin.

"Jika tidak mulakan langkah proaktif, kita akan ketinggalan," katanya.

Beliau mengulas mengenai perjanjian pembelian awal dengan Pfizer.

## Vaksin Covid-19 - BNT162

### Pfizer Inc

- Syarikat farmaseutikal Amerika Syarikat (AS)
- Ditubuhkan pada tahun 1849 oleh Charles Pfizer dan Charles F Erhart
- Mengeluarkan pelbagai jenis ubat dan vaksin
- Salah satu produk mereka ialah Viagra

### Vaksin Covid-19 BNT162

- Vaksin Pfizer dikeluarkan hasil kerjasama dengan BioNTech
- Dicipta oleh pasangan saintis Islam Jerman berketurunan Turki, Dr Ugur Sahin dan Dr Ozlem Tuercel
- Menggunakan teknologi messenger Ribonucleic Acid (mRNA)
- Data awal menunjukkan tahap keberkesanan setinggi 95 peratus
- Tiada kesan sampingan serius hingga kini
- Mampu bertahan enam bulan jika disimpan dalam suhu sejuk khas
- Seramai 43,998 orang telah melalui ujian klinikal fasa ketiga di seluruh dunia

### Perjanjian vaksin Covid-19 Malaysia-Pfizer Inc

- Pembelian awal sebanyak 12.8 juta dos
- Bekalan merangkumi 20 peratus populasi rakyat (12.8 juta dos: 2 dos / orang)
- Bekalan imunisasi kepada 6.4 juta rakyat Malaysia
- Penghantaran dilakukan pada tahun 2021

### Rehngantaran

- 1 juta dos pada suku pertama
- 1.7 juta dos pada suku kedua
- 5.8 juta dos pada suku ketiga
- 4.3 juta dos pada suku keempat

\*Sumber: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

## Senarai calon vaksin Covid-19

### 1. Novavax

Dibangunkan syarikat Novavax di AS dengan ujian pra klinikal dilakukan terhadap monyet berjaya menghasilkan antibodi melawan SARS-CoV-2. Kini memasuki ujian klinikal fasa tiga.

### 2. Sinovac

Dibangunkan oleh syarikat bioteknologi di China iaitu Sinovac Biotech dan kini memasuki fasa ketiga ujian klinikal 9,000 peserta di Brazil dan 4,200 peserta di Bangladesh serta Indonesia seramai 1,620 sukarelawan.

### 3. Sinopharm

China National Pharmaceutical Group (Sinopharm) melakukan ujian terhadap vaksin itu bersama Beijing Institute of Biological Products dan Wuhan Institute. Ujian fasa tiga dilakukan di Arab Saudi melibatkan 5,000 peserta.

### 4. CanSino Biologics

Kerjasama antara syarikat berasal dari China, CanSino Biologics dengan Institut Biologi di Academy of Military Medical Sciences. Ujian klinikal fasa dua dilakukan di Wuhan melibatkan 508 peserta.

### 5. Oxford

Dihasilkan Universiti Oxford, United Kingdom dengan kerjasama farmasi AstraZeneca. Vaksin itu memasuki ujian klinikal fasa ketiga membabitkan 5,000 peserta di UK, India dan Afrika Selatan.

### 6. Moderna

Dibangunkan oleh syarikat bioteknologi Moderna dan Institut Kesihatan Kebangsaan (NIH) Amerika Syarikat. Ujian klinikal fasa tiga vaksin itu membabitkan 30,000 peserta di 89 wilayah di Amerika Syarikat menunjukkan 94.5 peratus efektif.

### 7. BNT162 mRNA

Dibangunkan syarikat farmasi BioNTech di Jerman dengan kerjasama Pfizer. Seramai 43,998 peserta dari seluruh dunia terlibat dalam ujian klinikal fasa ketiga.

### 8. Sputnik

